

PENDAHULUAN

SUMBANGAN DANIEL DJUNED (1954-2010) DALAM PENGAJARAN DAN PEMIKIRAN HADITH

1. Pengenalan

Melakukan kajian terhadap sumbangan tokoh terhadap disiplin ilmu hadith seharusnya mendapat pemerhatian yang serius dari kalangan sarjana. Termasuk diantaranya dari sudut pengajaran dan pemikiran. Kerana akan dapat pembelajaran yang sangat bermanfaat dari tokoh yang dikaji.

Sehubungan dengan hal ini, penulis akan melakukan penyelidikan berkenaan tokoh ahli hadith yang mengenai sumbangan Daniel Djuned (1954-2010) dalam pengajaran dan pemikiran hadith yang secara khusus akan memastikan metode pengajaran dan pemikiran ulama ini.

Dalam bahagian pendahuluan ini, penulis akan memberi gambaran awal berkaitan dengan permasalahan kajian dan menyatakan bagaimana objektif kajian dijalankan. Penulis juga akan menerangkan metode yang telah dipilih bagi melaksanakan penyelidikan ini disamping kepentingan, skop kajian dan sorotan terhadap kajian lepas.

2. Latar Belakang Masalah

Hadith berfungsi sebagai sumber kedua dalam syariat Islam selepas al-Quran. Hal ini telah disepakati oleh semua ulama. Para fuqaha dari kalangan sahabat semuanya kembali merujuk kepada hadith Rasulullah SAW. Justeru umat Islam tidak dapat

melaksanakan ajaran Islam dengan sempurna sekiranya tidak digabungkan petunjuk dan praktik *al Sunnah* atau *al- \times ad $\hat{\mathit{Eth}}$* ¹.

Pengajian hadith sebagai satu bidang pengajian yang penting dalam tradisi keilmuan Islam yang telah melahirkan ramai tokoh besar yang terbilang dan memberikan sumbangan besar sepanjang pengajian hadith *al-Riw \acute{Y} ah* mahupun *al-Dir \acute{Y} ah*. Pengajian ini bermula dari zaman awal yang berkembang sehingga menjadi satu disiplin ilmu yang mantap. Bidang pengajian hadith telah melahirkan ramai tokoh terbilang yang telah memberikan sumbangan yang layak dicatat dengan tinta emas,² Terlebih karya-karya ulama-ulama di tanah Melayu dalam sumbangan hadith.

Mengikut sejarah, peringkat awal penulisan hadith dalam bahasa Melayu di Nusantara adalah tokoh ulama yang berasal dari Aceh, Sumatera iaitu kitab *al-Faw \acute{E} id al-Bahiyyah fi al- \times ad $\hat{\mathit{Eth}}$ al-Nabawiyyah* karya Sheikh Nurudd \hat{E} n al-Ranir \hat{E} .³ Pada masa inilah, ulama-ulama di Sumatera mulai berkembang dan berpengaruh di Nusantara khususnya dalam ilmu hadith.

Tokoh hadith di Nusantara tidak seramai tokoh-tokoh disiplin ilmu yang lain, ini disebabkan belum dilakukan pengkajian secara sistematis. Hal ini disebabkan oleh beberapa hal. *Pertama*, kenyataan bahawa seorang ahli hadith dalam kajiannya belum terserlah berbanding kajian keIslamahan yang lain, seperti al-Qur'an, fiqh, tasawwuf. *Kedua*, kajian hadith berkembang sangat lambat, terutama bila dilihat dari kenyataan bahawa para ulama Nusantara telah menulis dibidang hadith sejak abad ke-17. Namun demikian, seperti terlihat kemudian, tulisan-tulisan tersebut tidak dikembangkan lebih jauh. Bahkan, kajian hadith setelahnya mengalami pemberhentian hampir satu setengah

¹ Jawiah Dakir,Budah @Udah Mohsin,Mazlan Ibrahim dan Faisal Ahmad Shah, "Hadith Mashur Dalam Masyarakat Melayu: Takhrij Dan Analisis", *Jurnal Usuluddin* 29, Januari 2009, 119.

² Fauzi Bin Deraman,"Ibnu al- \mathcal{O} al \acute{E} h Dan Sumbangannya Dalam Pengajian Hadith", *Jurnal al-Bayan* 2, Mei 2004, 91.

³ Fauzi Bin Deraman, "Karya-Karya Hadith Dalam Tulisan Jawi", *Jurnal Usuluddin* 7, Disember 1997, 166.

abad lamanya. Untuk itulah, perhatian para pengkaji terhadap kajian hadith di tanah Melayu masih sangat kurang. Kalaupun ada pengamat yang menaruh perhatian, perhatiannya masih parsial dan tidak komprehensif.⁴

Pada abad 19 ilmu hadith mulai berkembang, para pengkaji pun sudah mulai mendalami hadith bukan hanya dari segi sanad hadith tetapi lebih kepada fiqh hadith mahupun pemahaman hadith secara kontekstual. Ini menunjukkan tokoh-tokoh ahli hadith di Sumatera memberikan angin segar terhadap keilmuan hadith di Nusantara, seperti Hasbi Ash Shiddieqy, Sheikh Yasin Fadani, Mahmud Yunus dan masih banyak lagi.

Berbicara mengenai pengkajian tokoh dalam bidang hadith, di Sumatera pertengahan abad 20-an inilah muncul pakar hadith yang mampu mempertahankan eksistensi keilmuan hadith di Nusantara, iaitu Prof. Dr. Daniel Djuned, putra kelahiran Aceh Selatan, 5 Juni 1954 ini merupakan ahli hadith satu-satunya di IAIN al-Raniri dan profesor hadith pertama di Aceh pada abad ini. Dan juga salah satu tokoh penting dalam perkembangan ilmu hadith di Aceh. Kepakarannya dalam bidang ilmu ×ad̄Eth telah mendapat sokongan dari ahli tafsir tersohor di Indonesia, Prof. Dr. M Quraisy Shihab.⁵ Pemikirannya juga memberikan pengaruh terhadap masyarakat Aceh sehingga disetarakan dengan ulama hadith terdahulu iaitu Syuhudi Ismail.⁶

⁴ Sulidar, *Ketokohan T.M. Hasbi Ash-Shiddieqy Dan Sumbangan Pemikirannya Dalam Pengajian Hadith al Riwyah Dan al Diriyah Di Indonesia*, (Thesis, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Univeristi Malaya, 2009), 26.

⁵ “Prof Daniel Juned meninggal Dunia”, laman sesawang *serambi news*, dicapai 12 Disember 2012, <http://serambinews.net> 4

⁶ Ramli Abdul Wahid, *Sejarah Pengkajian Hadith Di Indonesia*, (Medan: IAIN Press, 2010) 4., Syuhudi Ismail dilahirkan di Lumajang, Jawa Timur pada tanggal 23 April 1943. Beliau adalah tokoh hadith di Nusantara. Syuhudi Ismail memberikan sumbangannya dalam hadith terutama berkaitan dengan penyelidikan sanad hadith (*naqd al-SanEd*). Beliaulah orang yang pertama yang menulis buku dalam bahasa Indonesia berkenaan dengan penyelidikan sanad hadith secara metodologi dan sistematis. Selain itu, Syuhudi Ismail juga memberikan sumbangannya terhadap pemahaman hadith secara kontekstual dengan memberikan alasan yang rasional namun tidak menyimpang dari kaedah asas syarak. Sulidar, *Ketokohan T.M Hasbi ash-Shiddieqy*, 42-43.

Salah satu sumbangannya terlihat jelas ketika murid-murid beliau merasa ada keberkesanannya dalam pengajarannya dan pemikirannya dalam bidang hadith. Ini bertanda bahawa akan semakin banyak penerus untuk mendalami kajian ilmu hadith pada masa dewasa ini. Dari sinilah Penulis akan cuba mengkaji lebih dalam tentang bagaimana metode pengajaran Daniel Djuned, dengan itu akan terlihat aplikasi dari pemikiran Daniel Djuned dalam ilmu hadith.

Dilihat dari latar belakang di atas, Daniel Djuned melalui usaha tersebut secara tidak langsung menunjukkan kewibawaan peribadi beliau selaku salah seorang anak kelahiran Nusantara khususnya di Sumatera yang mampu menyerlah di dunia keilmuan Islam khususnya dalam bidang hadith ini.

Maka dengan kajian ini penulis akan mengambil tajuk :

SUMBANGAN DANIEL DJUNED (1954-2010) DALAM PENGAJARAN DAN PEMIKIRAN HADITH

3. Permasalahan Kajian

Persoalan menjadi inti permasalahan dalam kajian ini ialah bagaimana sebenarnya ketokohan Daniel Djuned dan sumbangannya dalam pengajaran hadith di Nusantara. Selain pokok permasalahan di atas, terdapat sub-sub permasalahan penting yang akan dikaji dan dianalisis oleh penulis iaitu :

3.1 Bagaimana Sejarah Dan Perkembangan Hadith Di Sumatera Dari Abad 17 Sampai Abad 20, Serta Tokoh-Tokoh Yang Terbabit Dengan Sumbangan Dalam Bidang Berkaitan Yang Telah Dihasilkan ?

3.2 Bagaimanakah Biografi Dan Latar Belakang Pendidikan Daniel Djuned ?

3.3 Bagaimanakah Pengenalan Karya Penulisan Dalam Bidang Hadith ?

3.4 Apakah Sumbangan Daniel Djuned Dalam Metode Pengajaran Dan Pemikirannya Dalam Bidang Hadith ?

4. Objektif Kajian

Dalam kajian ini, penulis telah menggarap objektif yang ingin dicapai dalam kajian penulis ini. Objektif-objektif tersebut ialah seperti di bawah ini :

- 4.1 Menganalisis sejarah tentang penulisan hadith di Sumatera serta tokoh-tokoh yang terbabit dengan karya-karya dalam bidang berkenaan yang telah dihasilkan.
- 4.2 Mengenal pasti biografi dan latar belakang pendidikan Daniel Djuned dalam memberikan karya kepada masyarakat Nusantara umumnya khususnya kepada di Sumatera.
- 4.3 Mengenal pasti karya penulisan Daniel Djuned dalam Bidang Hadith
- 4.4 Menganalisis sumbangsih Daniel Djuned dalam metode pengajaran dan pemikirannya di bidang hadith.

5. Kepentingan Kajian

Kehebatan dan ketekunan Daniel Djuned dikalangan masyarakat Nusantara masih tidak menyerlah berbanding dengan ulama nusantara yang lainnya, seperti Dr. Hamka, Hasbi Ash Shiddieqy dll. Bahkan Daniel Djuned juga telah disamakan peringkatnya dengan tokoh hadith Syuhudi Ismail. Ramai dari kalangan pecinta ilmuan Islam terlebih masyarakat biasa tidak mengenali secara lebih dekat terhadap

diri beliau. Dalam bidang penulisan, tokoh ini juga menuliskan dalam tafsir yang bertajuk Antropologi al-Qur'an.

Daripada kajian ini, penulis berharap semoga ianya dapat menjadi informasi kepada semua lapisan masyarakat mengenai kitab-kitab hadith yang terawal pernah dihasilkan oleh ulama-ulama Alam Melayu sebelum ini dan menambah wawasan tetang ketokohan ulama melayu khususnya dalam bidang hadith agar supaya wawasan terhadap ketokohan di alam melayu yang khususnya di daerah Sumatera ini tak terhenti. Dan ianya semakin penting kerana nilai penulisan dan cara serta hasil pengumpulan hadith tokoh ini memberi inspirasi dan dorongan kepada generasi yang akan datang guna memberikan kesinambungan penulisan karya-karya hadith para ulama terdahulu.

Selain daripada itu, kepentingan dari kajian ini dapat menjelaskan biografi Daniel Djuned dan ketokohnya dengan lebih jelas, guru-guru beliau, karya-karya yang telah beliau hasilkan, serta metode pengajaran dan pemikiran beliau dalam bidang hadith.

Selain itu, kajian ini juga sangat penting kerana suatu sumbangan seorang tokoh akan dinilai orang para ilmuwan, ahli akademik dan generasi terkemudian dari pelbagai aspek termasuk penilaian akademik dan nilai ilmiah dengan melihat kepada sumbangan tokoh-tokoh yang telah menghasilkan karya tersebut.

6. Skop Kajian

Skop kajian ini adalah penulis akan menjelaskan mengenai sejarah perkembangan penulisan hadith di Sumatera, begitu juga dengan karya-karya mereka yang mungkin tidak kita sedari akan kewujudannya.

Biografi Daniel Djuned. Kajian yang dilakukan terhadap keturunan dan kelahiran serta pembesaran di awal remaja sehingga ke akhir hayat. Sumbangan tokoh didalam dunia penulisan adalah sebahagian dari bentuk dakwah kajian terhadap sumbangannya. Inilah yang akan meletakkan ketokohan beliau sebaris dengan ulama-ulama Nusantara lainnya.

Tumpuan juga diberikan terhadap sumbangan. Sumbangan disini melihat disiplin ilmu Daniel Djuned dalam penulisan hadith dan juga pengajarannya serta pemikirannya. Oleh kerana itu, penulis akan menganalisis pemikiran Daniel Djuned khususnya dalam sumbangan dalam bidang hadith.

7. Tinjauan Kajian Lepas

Dalam memastikan nilai keautorian kajian ini dan menunjukkan kajian ini dilakukan, pengkaji telah menjalankan tinjauan dan penelitian terhadap kajian-kajian dan penulisan awal berkaitan Daniel Djuned.

Maka dari itu, penulis membahagikan dua bentuk kajian lepas iaitu kajian yang setema dalam mengkaji sumbangan dalam bidang hadith dan kajian yang membahaskan tentang Daniel Djuned tetapi ia masih belum lengkap dan mendalam. Kerana tokoh ini adalah tokoh kontemporeri, penulis belum menemukan kajian penyelidikan yang dilakukan oleh mana-mana pengkaji sebelum ini berkaitan dengan tajuk kajian penulis iaitu “Sumbangan Daniel Djuned (1954-2010) Dalam Pengajaran Dan Pemikiran Hadith”. Namun begitu terdapat beberapa kertas kerja, kajian ilmiah, buku dan tesis PhD.

Kajian-kajian yang setema dalam membahaskan sumbangan dalam bidang hadith, ialah :

1. *Sumbangan Abdul Ra'uf al-Singkili dalam bidang hadith : analisis teks pilihan al-Mawa'iz al-badi'ah*, kajian ini dibuat oleh Elit Eve Hidayatullah. Dissertation (M.Usuluddin) -- Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010.
2. *Sumbangan Nawawi al-Bantani dalam bidang hadith : kajian terhadap kitab Tanqih al-Qawl*, kajian ini dibuat oleh Agus Sutopo. Dissertation (M.Usuluddin) -- Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008.
3. *Sumbangan Drs. Abdul Ghani Azmi bin Haji Idris dalam bidang Hadith*, kajian ini dibuat oleh Nurul Hakim bin Ismail. Dissertation (M.Usuluddin) - - Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008.
4. *Sumbangan Haji Abdul Halim al-Hadi dalam bidang hadith : tumpuan kepada kitab Tajdhib Atraf al-Hadith*, kajian ini dibuat oleh Abd Ur-Rahman Mohamed Amin.Dissertation (M.Usuluddin) -- Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007.
5. *Sumbangan Syeikh 'Abd Al-Samad Al-Falimbani dalam bidang Hadith : analisis metodologi penyusunan dan takhrij Hadith dalam Kitab Hidayah al-Salikin*, kajian ini dibuat oleh Khadher bin Ahmad. Dissertation (M.Usuluddin) -- Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008.
6. *Sumbangan dan kepakaran Syeikh Mahfuz al-Tarmazi dalam bidang hadis*, kajian ini dibuat oleh Jawiah binti Dakir dan Ahmad Levi Fachrul Avivy.Dissertation (M.Usuluddin) -- Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010.

Adapun kajian-kajian yang membahasakan tentang Daniel djuned adalah sebagai berikut :

1. Prof. Ramli Abdul Wahid, *Sejarah Dan Pengkajian Hadith di Indonesia*, IAIN Press, 2010.

Di dalam bukunya beliau menjelaskan dari awal sejarah Hadith di Indonesia dan peran tokoh-tokoh hadith di masa itu. Dalam ketokohan hadith beliau menyebutkan Daniel Djuned adalah yang termasuk alumni angkatan awal berbanding dengan Syuhudi Ismail. Beliau tidak menjelaskan secara ringkas tentang biografi dan sumbangannya dalam bidang hadith.

2. Adam Burke dan Afnan, *Aceh Reconstruction In A Conflict Environment Views From Civil Society, Donor And Ngos*, Indonesia Paper Development. 2005.

Dalam kertas kajian ini memberikan penjelasan bahawa sejak tahun 2003 terjadi konflik antara tentera Indonesia dengan rakyat Aceh, kehidupan di desa-desa sangat memprihatinkan. Ditambah lagi bencana tsunami. Adam Burke dan Afnan menuliskan keadaan masa itu dengan berbagai bantuan dari mana-mana pihak, mereka pun menyebutkan bahawa Daniel Juned salah satu kunci temu bual dalam kajiannya ini kerana Daniel Djuned sebagai ketua tim perumus cetak biru (blue print) rekonstruksi dan rehabilitasi Aceh pasca-gempa dan tsunami.

3. Rusjdi Ali Muhammad, *Revitalisasi Syariat Islam Di Aceh; Problem Solusi Dan Implementasi*, Kerjasama IAIN al-Raniri, Nanggroe Aceh Darussalam dengan Penerbit Logos Wacana Ilmu, 2003.

Buku ini menjelaskan tentang syariat Islam di Aceh, dari sebuah masalah sehingga mendapatkan solusi dari tokoh ulama di Aceh untuk di Implementasikan

kepada masyarakat. Disini menyebutkan nama Daniel Djuned salah satu diantara tokoh-tokoh Agama yang tersohor di Aceh. Penulisan ini lebih kepada pemahaman syariat islam di Aceh, berbeza dengan penulis yang akan kaji, yang lebih fokus kepada sumbangannya dalam pengajaran dan pemikiran Daniel Djuned dalam bidang Hadith.

4. Zainudin Putih, *Pengajian Hadith Di Indonesia : Kajian Di Institut Agama Islam Negeri (IAIN) al-Raniri Darussalam Banda Aceh*, Desertasi, Program Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007.

Dalam desertasi ini Zainudin Putih menyebutkan Daniel Djuned Sebagai Dekan Usuluddin dan salah satu pensyarah di al-Raniri yang pakar dalam bidang hadith. Disertasinya yang lebih fokus masalah pengajian hadith di IAIN al-Raniri.

Demikianlah antara beberapa tajuk kertas kerja dan penyelidikan yang telah dihasilkan oleh beberapa orang pengkaji. Diatas kesempatan ini penulis membuat satu kajian berkenaan kepada sumbangan Daniel Djuned dalam pengajaran dan pemikiran hadith.

8. Metodologi Penyelidikan

Kajian yang penulis jalankan ini adalah berbentuk kajian pustaka (library research). Memandang kajian ini tertumpu dalam mengkaji bahan berbentuk manuskrip atau karya penulisan ulama terdahulu. Bagi mencapai hasil yang tepat maka proses yang tepat diperlukan. Oleh karena demikian mengenal prinsip dan garis panduan untuk mencapai suatu pengetahuan, yang melibatkan penerimaan atau penolakan sesuatu cadangan atau idea tentang suatu bidang yang biasa disebut metodologi penyelidikan. Metodologi penyelidikan merupakan suatu kemestian

sehingga suatu penyelidikan menjadi mudah difahami. Dalam melaksanakan kajian ini, penulis akan menggunakan beberapa metode seperti berikut :

8.1 Metode Pengumpulan Data

Data ialah butir-butir maklumat terperinci yang dikumpulkan tentang sesuatu dan dapat dijadikan asas untuk membuat kajian.⁷ Data yang digunakan adalah bahan tertulis ataupun bercetak.⁸

Data pada dasarnya terbahagi menjadi dua bahagian iaitu *pertama*, data primer iaitu data yang dikumpulkan atau diambil terus dari objek atau sumbernya yang terlibat atau berkait secara langsung dengan peristiwa tersebut⁹ dan *kedua*, ialah data sekunder iaitu bahan-bahan yang berkaitan dengan peristiwa tersebut yang telah diolah semula.¹⁰ Data sekunder tersebut telah dihasilkan dari data primer atau gabungan dari data sekunder dan data primer.¹¹ Dalam usaha tersebut beberapa kajian telah dilakukan, diantaranya :

8.1.1 Metode kajian Kepustakaan

Kajian perpustakaan adalah upaya penyelidikan yang dijalankan dengan mengumpulkan data-data yang terdapat pada sumber data.¹² Metode ini diertikan sebagai kegiatan pengumpulan data yang berkenaan dengan tajuk yang dikaji. Dalam hal ini penulis berupaya mengumpulkan data-data sebanyak banyaknya yang berupa karya-karya dan biografi Daniel Djuned.

⁷ Sheikh Osman Sheikh Salim, *Kamus Dewan Edisi Baru*, ed ke-3 (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), 255.

⁸ Burke Johnson dan Larry Christensen. *Educational Research : Quantitative and Qualitative Approaches*, (London: Allyn dan Bacon, 2000), 347.

⁹ *Ibid.*, 349-350.

¹⁰ Louis Cohen dan Lawrence Manion, *Research Methods in Education*, c.3,(London : Routledge, 1989), 55.

¹¹ Burke Johnson dan Larry, Christensen, *Educational Research*, 347.

¹² Ismail Rejab dan Nik Rahimah Yakob, ed. ke-3 (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), 9.

Dengan menggunakan metode ini, penulisan telah menemui beberapa data-data penting tentang hasil tulisan pengarang selain dari pada kitab yang sedang dikaji oleh penulis. Antaranya ialah kitab *Validitas Hadith-Hadith Riwayat Imam Syafi'È Kajian Kitab al-Risâlah* dan *Ilmu Hadith: Paradigma Ilmu Hadith Dan Rekonstruksi Fiqh Hadith*.

Ketika menjalankan penyelidikan perpustakaan, antara perpustakaan yang sering menjadi rujukan penulis akan mendapatkan maklumat-maklumat tentang Daniel Djuned ialah :

1. Perpustakaan Utama. University Malaya,
2. Perpustakaan Peringatan Za'ba, University Malaya
3. Perpustakaan Daerah, Aceh
4. Perpustakaan IAIN al Raniri, Aceh
5. Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia
6. Perpustakaan Universiti Islam Antara Bangsa, Gombak

8.1.2 Motode Sejarah

Metode sejarah atau metode historis adalah suatu proses untuk mengkaji secara sistematis kejadian yang telah berlaku sehingga dapat menentukan apa sebenarnya terjadi pada masa lalu.¹³ Ia melibatkan pengumpulan data secara sistematis dan penilaian secara objektif tentang segala data yang berkaitan yang boleh membantu menerangkan kejadian tersebut.¹⁴

Menggunakan metode ini, penulis berusaha untuk memuatkan fakta-fakta tentang perkara-perkara berikut :

¹³ Burke Johnson dan Larry Christen, *Educational Research*, 342.

¹⁴ L.R Gay, *Educational Research: Competencies for Analysis and Application*, (New York: MacMillan, 1987) 179.

1. Sejarah masuknya Islam di Sumatera
2. Sejarah masuknya hadith di Sumatera
3. Sejarah hidup tokoh dalam tajuk ini
4. Hasil penulisan Daniel Djuned yang diterbitkan dan kajian-kajian yang dilakukan terhadap karya-karya beliau.

8.1.3 Metode Dokumentasi

Metode dokumentasi adalah usaha menghimpu atau mengumpul bahan atau dokumen bagi sesuatu kajian.¹⁵ Dokumentasi tersebut boleh berupa bahan tertulis atau bercetak yang dijadikan bukti atau keterangan yang sahih tentang sesuatu perkara seperti surat-surat peribadi, akhbar, buku-buku cacatan, dan lain-lain. Melalui metode ini, penulis telah mengumpulkan bahan-bahan rujukan samaada yang berbentuk primer ataupun sekunder.

8.1.4 Metode Temubual

Kaedah ini penulis jalankan adalah satu perbincangan diantara dua orang untuk membincangkan suatu perkara.¹⁶ Tujuan lain untuk mendapatkan maklumat-maklumat kontemporari berkaitan subjek kajian. Temu bual disini akan mendapatkan data dan maklumat berkenaan dengan biografi pengarang dan latar belakang penulisan kitab serta hal lain yang berhubung kait dengan kajian.

Penulis telah mewawancara isteri, adik beradik, anak-anak Daniel Djuned untuk mendapatkan data tentang riwayat hidup beliau. Beberapa murid beliau dan tokoh masyarakat seperti ketua MUI Aceh turut sempat ditemui dan temubual dengan penulis. Kesemua data-data tersebut telah dikumpulkan untuk dikaji dan telah banyak memberi

¹⁵ Sheikh Osman Sheikh Salim. *Kamus Dewan Edisi Baru*, ed. ke-3 (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka. 1992) 1238.

¹⁶ Jhon Robert Shaw, *The New Horizon Ladder Dictionary*, (USA: Signet, 1970), 272.

sumbangan yang besar ketika menyiapkan sejarah kehidupan Daniel Djuned dalam bab kedua.

8.2 Data dan Analisis Kajian

Berpadukan data-data yang diperolehi, penulis telah menganalisa secara mendalam untuk menghasilkan kesimpulan dan rumusan yang kuat. Dalam membuat pengilahan data, penulis telah mengaplikasikan metode-metode berikut :

8.2.1 Metode Induktif

Metode induktif iaitu usaha penghuraian yang membawa kepada pencapaian satu kesimpulan dari data yang bersifat khas.¹⁷ Metode ini digunakan untuk menganalisis dengan cara melihat secara menyeluruh sumbangannya dalam bidang hadith. Metode ini diaplikasikan dalam bab kedua yang membahas tentang riwayat hidup Daniel Djuned dan ketokohnanya dimasyarakat. Selain itu metode ini juga digunakan untuk menganalisis sumbangannya dalam bidang hadith yang termasuk pengenalan terhadap sumbangannya dalam bidang hadith yang diaplikasikan dalam bab ketiga.

8.2.2 Metode Deduktif

Metode deduktif iaitu usaha untuk memperolehi pengetahuan dengan terlebih dahulu membuat kenyataan yang bersifat umum tentang suatu fenomena yang disusuli dengan penyajian pernyataan yang bersifat khusus tentang fenomena tersebut.¹⁸ Metode ini digunakan dalam usaha dinisbahkan pada bab keempat. Seterusnya membuat data – data dan fakta-fakta yang diperolehi.

¹⁷ *Ibid*, 452.

¹⁸ *Ibid*.

8.2.3 Metode Diskriptif Analisis

Metode ini merupakan cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi selama masa kajian. Metode ini digunakan untuk bahan perbandingan terhadap beberapa pendapat yang berautoriti. Dimulakan dengan mengumpul data hasil penelitian, seterusnya dibuat perbandingan dan kesimpulan.

9. Sistematika Penulisan

Dalam melaksanakan kajian ini, penulis membahagikan kepada lima bab utama. Setiap bab didahului pendahuluan sebagai gambaran awal terhadap pengkajian. Hasil dalam bab-bab tersebut, terdapat juga tajuk-tajuk kecil yang merupakan huraian dan penjelasan. Akhir sekali, dimuatkan kesimpulan sebagai rumusan setiap bab. Pembahagian setiap bab sebagai berikut :

9.1 Bahagian Awal :

Bahagian ini terdiri daripada halaman tajuk, halaman pengesahan, abstrak, penghargaan, isi kandungan, senarai kependekan dan panduan transliterasi.

9.2 Bahagian Teks / Isi

Dalam bahagian ini, penulis telah membahagikan gaya penulisan penulis kepada lima bab. Didalam setiap bab terkandung sub-sub topik yang mengandungi isi-isi perbincangan atau kajian tertentu sebagaimana yang akan dinyatakan seperti dibawah ini ;

Pendahuluan

Bab ini pendahuluan bagi kajian penulis. Didalam bab ini penulis akan menjelaskan mengenai latar belakang masalah kajian, objektif kajian yang ingin dicapai, kepentingan kajian, skop kajian, huraian istilah, ulasan ringkas penulisan-penulisan

terdahulu yang ada kaitan dengan kajian penulis, metodologi kajian yang dilihat dalam tiga aspek iaitu kerangka kajian, sumber data dan penganalisaan data dan bab ini diakhiri dengan penerangan mengenai sistematika penulisan yang penulis gunakan.

Bab Pertama – Sejarah Dan Perkembangan Hadith Di Sumatera

Dalam bab ini pula, penulis akan menjelaskan mengenai sejarah dan perkembangan penulisan dan pengajaran hadith di Sumatera dari abad ke 17 sampai pada abad ke 20 dan begitu juga dengan sumbangan tokoh-tokoh ahli hadith di Sumatera yang mungkin tidak kita sedari akan kewujudannya.

Bab Kedua – Biografi Daniel Djuned

Tokoh kajian Daniel Djuned akan diperkenalkan dalam bab ini. Pengenalan ini termasuklah daripada aspek daripada latar belakang pendidikan, guru-guru dan ketokohan Daniel Djuned dengan banyaknya aktiviti-aktiviti pengajian khusus dalam bidang hadith mahupun aktiviti keorganisasian yang beliau ikuti semasa hidupnya.

Bab Ketiga – Pengenalan Karya Penulisan Daniel Djuned Dalam Bidang Hadith

Dalam bab ini penulis akan membentangkan pengenalan karya penulisan dalam bidang hadith beserta faktor-faktor yang mendorong dalam penulisannya dan tujuannya serta metodologi penulisan kitab. Metodologi penulisannya tumpuan kepada kitab Ilmu Hadith: Paradigma Baru Dan Rekonstruksi Fiqh Hadith.

Bab Keempat – Sumbangan Metode Pengajaran dan Pemikirannya Daniel Djuned Dalam Bidang Hadith

Dalam bab ini merupakan kemuncak bagi kajian penulis. Dalam bab ini, tumpuan terhadap sumbangan. Sumbangan disini juga melihat disiplin ilmu Daniel Djuned dalam penulisan dan pemikirannya. Disini akan mendedahkan motode

pengajaran beliau dan pemikirannya khususnya dalam bidang hadith sehingga menjadikan beliau lebih dikenal sebagai ahli hadith ataupun pakar hadith.

Bab Kelima- Penutup

Bab ini adalah penutup tirai bagi kajian penulis ini. Segala kesimpulan dan rumusan yang penulis dapat dari pada kajian ini akan penulis utarakan. Disamping itu, penulis juga tidak lupa untuk memberikan pelbagai saranan dan cadangan kepada pihak-pihak yang tertentu supaya dapat mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menaikkan kembali martabat ulama-ulama alam Melayu.

Bahagian Akhir :

Bahagian ini mengandungi bibliografi dan lampiran-lampiran yang berkaitan dengan tajuk tesis ini.